

# UPM lancar <sup>BH</sup> Kempen Jujur Kepada Ilmu

13 Mac 2003

UNIVERSITI Putra Malaysia (UPM) melancarkan Kempen Jujur Kepada Ilmu bagi mewujudkan kesedaran di kalangan pelajarinya mengenai kepentingan menjaga disiplin dan ketertiban sewaktu menduduki peperiksaan, kelmarin.

Kempen itu dilancarkan Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar), Prof Dr Abdullah Al-Hadi Muhammed sempena minggu peperiksaan pelajar sesi November 2002/2003 yang berakhir awal bulan depan.

Bercakap kepada *Berita Harian* selepas majlis itu, Dr Abdullah berkata, 23 daripada 26,000 pelajar universiti itu disabitkan dengan kesalahan tata-tertib peperiksaan mengikut Kaedah 45, Kaedah-Kaedah Universiti Pertanian Malaysia (Tatatertib Pelajar-Pelajar) 1975 - Pindaan 1995, sejak 2000.

"Walaupun jumlah itu sedikit, seba-

gai mahasiswa UPM yang bakal menjadi universiti bertaraf antarabangsa, kita perlu mengubah jumlah kes ini kepada sifar.

"Ini penting bagi menjaga kewibawaan universiti, selain memastikan graduan memperoleh ijazah dengan cara betul dan mendapat pengiktirafan sewajarnya," katanya.

Beliau berkata, pelajar didapati kesalahan melanggar tata-tertib peperiksaan boleh dikenakan mana-mana satu atau dua atau lebih daripada hukuman yang digariskan dalam Kaedah 45, Kaedah-Kaedah Universiti Pertanian Malaysia (Tatatertib Pelajar-Pelajar) 1975 - Pindaan 1995.

Beliau berkata, pelajar terbabit diberi amaran dan jika masih melakukan kesalahan sama, denda tidak lebih RM200 dikenakan.

Bagi hukuman berat, katanya, antaranya ialah penggantungan menggu-



**DR ABDULLAH** menyerahkan bahan kempen kepada Dekan Fakulti Ekologi Manusia, Prof Madya Dr Rozumah Baharudin.

nakan mana-mana atau semua kemudahan, menafikan hak penggunaan mana-mana perkhidmatan dalam tempoh tertentu dan terakhir, penyingkiran dari universiti.

"Selain kesalahan tidak berlaku jujur dalam peperiksaan, UPM juga melancarkan Poster Etika Penampilan Mahasiswa. Diharap ia dapat membantu meningkatkan mutu penampilan mahasiswa melalui cara berpakaian dan pengurusan diri," katanya.

Sementara itu, Presiden Majlis Perwakilan Pelajar UPM sesi 2002/2003, Mohd Radzi Abdullah, berkata pihak-

nya tidak ketinggalan membantu Jabatan Hal Ehwal Pelajar (HEP) untuk memperluaskan kempen itu kepada semua pelajar.

"Kami turut menghantar cadangan kepada HEP mengenai cara menangani isu ini dan sebahagiannya diguna pakai. MPP juga akan mengadakan pertemuan dengan presiden kolej dan kolej untuk memperluas kempen ini.

"Kami berharap hasrat HEP mencaipai matlamatnya, iaitu melahirkan graduan UPM yang cemerlang dan bersahsiah sempurna," katanya.